

D// MAJLIS SEKALUNG BUDI , PELANCARAN HARI PATRIOTIK DAN RAKAN PENDAMPING SISWA (RPS)

Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM telah merasmikan Hari Patriotik dan Program Rakan Pendamping Siswa (RPS) pada 31 Julai yang lalu. Dalam majlis yang diadakan di Kampus Kubang Gajah, Arau itu beliau telah menyeru setiap warga KUKUM untuk menghayati erti kemerdekaan dan perjuangan para pahlawan kita dalam usaha memerdekakan tanahair tercinta.

Serentak dengan perasmian itu juga Prof. Dato' Dr. Kamarudin telah melancarkan Kutipan Derma Rayuan Hari Pahlawan yang bertujuan untuk menghargai dan meringankan beban ahli keluarga anggota perajurit yang telah banyak berkorban demi keamanan negara. Di dalam majlis yang sama, satu kenduri kesyukuran telah diadakan bagi menghargai sumbangan dan pengorbanan yang telah ditunjukkan oleh warga KUKUM dalam menjayakan Istiadat Pemasyhuran Canselor dan Majlis Konvokesyen Komemoratif KUKUM pada 17 Julai 2004 yang lalu.